

**STANDARD PARSLI(*Petroselinum crispum*)**

(Pegawai Kajian: Mohd Pahmi Idris, Ahmad Sukri Abdul Muthalib & Anuarazman Amirullah)

**1. SKOP**

Standard ini adalah untuk parsli (*Petroselinum crispum*) daripada famili Apiaceae yang dipasarkan segar kepada pengguna tetapi tidak termasuk untuk kegunaan industri.

**2. RUJUKAN NORMATIF**

Rujukan normatif berikut adalah penting bagi penggunaan standard ini. Bagi rujukan bertarikh, hanya edisi yang dinyatakan akan digunakan. Bagi rujukan tidak bertarikh, edisi terkini bagi rujukan normatif (termasuk sebarang perubahan) digunakan.

*MS 1187, Method of sampling for fresh vegetables*

*MS 1784, Crop Commodities – Good Agricultural Practice (GAP)*

*MS 1784, Part 7, Good agricultural Practice (GAP) – Part 7: Fruits and Vegetables*

Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985

Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009

Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Akta 141) dan Peraturan-Peraturan Lembaga Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008.

### 3. DEFINISI

Bagi tujuan spesifikasi ini, terma-terma yang digunakan bermaksud:

- 3.1. **Keseragaman varieti** - Parsli tersebut mempunyai varieti yang sama.
- 3.2. **Segar** – Tangkai dan daun masih tegar dan tidak layu.
- 3.3. **Bersih** – Bebas daripada kotoran dan benda asing.
- 3.4. **Perapian**- Membuang daun yang layu dan kekuningan yang menjejaskan keseluruhan rupa.
- 3.5. **Rosak** – Sebarang kecederaan disebabkan oleh kesan mekanikal, fisiologikal atau perosak dan penyakit yang menjejaskan kualiti dan rupa keseluruhan.
  - 3.5.1. Kecederaan mekanikal disebabkan rosak semasa pengendalian seperti terpotong, patah dan pecah.
  - 3.5.2. Kecederaan fisiologikal seperti nyahwarna dan kecederaan dingin.
  - 3.5.3. Kecederaan disebabkan oleh perosak dan penyakit seperti kesan gigitan serangga, lubang, busuk dan reput.

**4. KEPERLUAN AM**

- 4.1. Segar, bersih dan telah dibuat perapian sempurna.
- 4.2. Agak bebas daripada kerosakan.
- 4.3. Setiap pengeluaran mestilah mematuhi keperluan amalan pertanian baik berdasarkan MS 1784 dan MS 1784: Part 7 atau yang setara.
- 4.4. Sisa racun perosak, logam berat dan mikrobial hendaklah tidak melebihi paras maksimum residu yang ditetapkan dalam Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 serta Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.
- 4.5. Hendaklah mematuhi Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Akta141) dan Peraturan-Peraturan Lembaga Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008.

## 5. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

5.1. Parsli dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada spesifikasi dan ciri-ciri gred seperti Jadual 1:-

**Jadual 1: Pengelasan Gred**

Gred	Spesifikasi	Kelongsaran (Maksimum)	(%)
<b>Premium</b>	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz yang seragam. Ia juga hendaklah bebas daripada kerosakan.	Segar Keseragaman saiz Rosak  Maksimum 5% dari segi bilangan atau berat hasilan yang dibenarkan di dalam setiap bungkusan.	$\leq 3$ $\leq 5$ $\leq 3$
<b>1</b>	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz yang seragam. Ia juga hendaklah agak bebas daripada kerosakan.	Segar Keseragaman saiz Rosak  Maksimum 10% dari segi bilangan atau berat hasilan yang dibenarkan di dalam setiap bungkusan.	$\leq 5$ $\leq 10$ $\leq 5$

5.2 Saiz tidak diperlukan bagi standard parsli.

## 6. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

### 6.1. Pembungkusan

- 6.1.1. Parsli daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 6.1.2. Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 6.1.3. Bahan yang digunakan untuk membungkus hendaklah khas untuk makanan dan bebas daripada bahan kimia yang tidak dibenarkan.
- 6.1.4. Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

### 6.2. Pelabelan

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 6.2.1. Tarikh Dituai atau/ dan dibungkus:
- 6.2.2. Nama, alamat dan kod pengeksport dan pengimport
- 6.2.3. Nama, alamat, kod penanam atau nombor pendaftaran syarikat
- 6.2.4. Nama hasil tani
- 6.2.5. Negara pengeluar
- 6.2.6. Gred
- 6.2.7. Berat bersih

## 7. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187 "Method of sampling for fresh vegetables" atau kaedah statistik yang dipersetujui.


## 8. RUJUKAN

- 8.1. *United States Standards for Grades of Parsley, July 2007*

LAMPIRAN A

A1. ROSAK

Kecederaan mekanikal



Patah

**Kecederaan fisiologikal**



Kecederaan dingin



Nyahwarna

**Kecederaan disebabkan oleh perosak dan penyakit**



Reput